



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KONAKA

KONFERENSI AKADEMIK

2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu
UiTM Cawangan Pahang
Kampus Jengka



Bencana Alam : Adakah ia Siratan Musibah atau Manfaat?

Mohd Fairuz Bachok^{1*}, Hanafiah Kamarden², Farah Wahida Mohd Latib³,
Mohd Fakri Muda⁴, Mohd Razmi Zainudin⁵

^{1,3,4,5}Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
mohdfairuz@pahang.uitm.edu.my, farahwahidaml@pahang.uitm.edu.my,
fakrimuda@pahang.uitm.edu.my, razmi74@pahang.uitm.edu.my

²Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi Malaysia
81310, Skudai, Johor, Malaysia

hanafiah.bin.kamarden@gmail.com

*Penulis Rujukan

Abstrak: Bencana alam merupakan salah satu proses semula jadi di dunia. Sesetengah masyarakat menganggapnya sebagai musibah dan ujian dari Allah SWT. Manakala sebilangan dari kita merasakan bahawa ia merupakan musibah dan tidak mendatangkan apa-apa manfaat. Atas alasan tersebut, mengapa sehingga kini, manusia masih melakukan pelbagai kajian terhadap bencana alam supaya apabila berlakunya bencana alam ini, akibatnya perlu dielakkan dengan apa cara sekalipun. Namun begitu, jika diamati maksud Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 155 dan hadis riwayat Muslim, at-Turmudzi dan an-Nasai membuktikan bahawa sesuatu yang Allah jadikan walaupun musibah pasti ada manfaatnya. Artikel ini ditulis bertujuan mengupas apakah manfaat di sebalik sesuatu bencana alam di mana adakah benar ianya hanyalah musibah semata-mata atau sebaliknya. Kajian kes dilakukan terhadap satu (1) kejadian bagi setiap bencana alam di Malaysia. Bencana alam sememangnya nyata memberikan pelbagai musibah. Apa yang penting adalah bagaimana kita sebagai manusia umumnya dan umat Islam khususnya menerima dan menangani musibah ini. Semoga artikel ini dapat sedikit sebanyak dijadikan sebagai panduan bahawa bencana alam adalah sebahagian dari proses kehidupan yang perlu kita hadapi di dunia dan apabila saat kita menghadapinya, kita menghadapinya dengan sabar serta yakin bahawa ia adalah ujian Allah SWT semata-mata yang mempunyai manfaat disebaliknya.

Kata Kunci: Bencana Alam, Manfaat, Musibah

1. Pendahuluan

Bencana alam telah didefinisikan dengan pelbagai definisi. Proses alam yang menyebabkan kesan-kesan buruk ke atas benda-benda hidup di sesuatu kawasan (Sivakumar, Motha & Das, 2005). Bencana yang menyebabkan sekurang-kurangnya 10 orang terbunuh dan 100 orang terjejas kehidupan sehinggakan memerlukan bantuan luar dan darurat diisytiharkan (CREED 2000). Bencana yang menyebabkan gangguan serius terhadap kehidupan masyarakat, kerugian besar kepada manusia, harta benda dan alam sekitar di mana ianya melebihi dari kemampuan masyarakat dan sumber yang sedia ada (UNDP, 2001). Kejadian sementara yang dicituskan oleh kemusnahan bencana alam yang melampaui kemampuan penduduk setempat dan seterusnya menyebabkan pembangunan ekonomi dan sosial terjejas di sesuatu kawasan (Anderson, 1990). Sempadan di antara perubahan permukaan persekitaran fizikal yang melampau dengan populasi manusia yang lemah (Susman, O'Keefe & Wisner, 1983). Jika diteliti setiap definisi yang dinyatakan, ianya sebenarnya menggambarkan bahawa bencana alam adalah suatu kejadian alam yang hanya berkait-rapat dengan kemusnahan terhadap benda-benda hidup sahaja tanpa mendatangkan apa-apa manfaat.

Bencana alam merupakan proses semula jadi yang telah berlaku semenjak pembentukan bumi lagi. Telah dikhabarkan bahawa apabila bumi menghampiri kemusnahan iaitu hari kiamat, bencana alam akan berlaku dengan lebih kerap lagi. Ini telah disabdakan oleh Nabi Muhammad

SAW. Sejak kebelakangan ini, kemusnahan akibat bencana alam semakin meningkat di seluruh dunia.

Kemusnahan yang berlaku akibat bencana alam adalah pelbagai kerana bencana alam berlaku di dalam pelbagai bentuk dan melibatkan unsur-unsur yang berbeza. Ada bencana alam yang melibatkan air seperti banjir, angin seperti ribut, tanah seperti tanah runtuh, api seperti gunung berapi dan cahaya seperti kemarau. Kerosakan infrastruktur, kemusnahan harta benda, kerugian wang ringgit, kejatuhan ekonomi, penularan penyakit, gangguan terhadap kehidupan harian, tekanan perasaan, kecederaan dan kehilangan nyawa adalah di antara contoh kemusnahan akibat bencana alam (Slettebak, 2012). Melalui beberapa kajian, di antara faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan bencana alam adalah tindakan manusia itu sendiri. Manusia meletakkan dasar pembangunan dan kelangsungan hidup sebagai perkara yang perlu diutamakan menyebabkan alam sekitar terus diterokai dan diubahsuai bagi mencapai matlamat tersebut. Penggondolan tanah tinggi bagi menyediakan kawasan perumahan dan pertanian menghasilkan tanah mudah terhakis dan terus terhakis dan seterusnya berlakunya tanah runtuh. Secara tidak langsung, kekurangan pokok-pokok ini menjadikan perlepasan gas karbon dioksida terus meningkat. Keadaan bertambah buruk apabila pencemaran pula banyak berlaku di kawasan tersebut. Akibatnya suhu meningkat, atmosfera tidak stabil dan bencana alam seperti banjir dan ribut terjadi. Mengambil Malaysia sebagai contoh, kebanyakan bencana alam yang berlaku di negara ini adalah disebabkan oleh interaksi manusia dengan proses alam di mana manusia mengubah atau menggunakan alam tanpa memahami risiko bencana yang boleh berlaku di samping kemahuan manusia yang gemar mengubah keadaan alam sesuka hati (Sawada and Zen, 2014). Jika dihayati firman Allah SWT pada ayat 40, surah al-Ankabut, perkara ini adalah benar sama sekali.

Dalam surah al-Ankabut ayat 40, Allah SWT berfirman :

Maksudnya :

“Maka masing-masing Kami binasakan dengan sebab dosanya, iaitu di antaranya ada yang Kami hantarkan angin ribut menghujainya dengan batu; dan ada yang dibinasakan dengan letusan suara yang menggemparkan bumi; dan ada yang Kami timbuskan dia di bumi; dan ada pula yang Kami tenggelamkan di laut. Dan (ingatlah) Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka, akan tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri.”

(Al-Ankabut 29:40)

Mengapa sesetengah dari masyarakat kita menganggap bahawa bencana alam adalah musibah. Secara jelasnya definisi bencana alam itu sendiri yang mengaitkan kemusnahan dengan benda-benda hidup. Begitu juga kerana kemusnahan yang diakibatkan olehnya. Kemusnahan ini mudah dilihat kerana kemajuan teknologi kini yang dapat merakam kemusnahan yang berlaku dan kemudian boleh disebarkan ke mana sahaja di dunia ini. Sebagai contoh, strategi liputan media terhadap kesan kemusnahan oleh taufan Katrina telah menyebabkan masyarakat berpersepsi bahawa bencana alam sesuatu yang berisiko dan perlu diberi perhatian yang bersungguh-sungguh. Pelabelan kepada bencana alam dengan perkataan-perkataan yang menggambarkan kemudaratan seperti mala petaka, musibah dan sebagainya di media-media massa apabila sesuatu bencana alam berlaku. Selain itu, bencana alam merupakan satu proses yang berlaku secara tiba-tiba dan tidak boleh dikawal oleh manusia yang bermaksud manusia tidak boleh menetapkan bila dan di mana ianya perlu berlaku (Miles & Morse, 2007). Buktinya, bencana alam diberikan persepsi negatif yang hanya membawa pelbagai kemusnahan dan perlu ada langkah-langkah mitigasi bagi mencegahnya dan persediaan untuk menghadapinya (Charveriat, 2000, Dorasamy, Raman, Muthaiyah & Kaliannan, 2007 dan

Kangabam, Panda & Kangabam, 2012). Tindakan manusia membangunkan pelbagai langkah-langkah mitigasi iaitu dari pembangunan fizikal sehingga pendidikan memperkukuhkan lagi bencana alam perlu dicegah dari berlaku dan supaya sekiranya berlaku, kesannya apabila dapat diminimalkan (Tuswadi & Hayashi, 2014; Fakhrudin & Chivakidakarn, 2014).

Mengapa bencana berlaku di dunia dan mengapa sesuatu umat layak menerima bencana. Perkara ini telah dikhabarkan oleh sabda Nabi Muhammad SAW.

At-Tarmizi berkata daripada Ali bin Abu Talib, Rasulullah SAW bersabda :

“Apabila umatku melakukan 15 perkara berikut, maka layaklah mereka ditimpa bencana iaitu :

- i. *Apabila harta yang dirampas (daripada peperangan) diagih-agihkan kepada orang-orang yang tertentu sahaja.*
- ii. *Apabila zakat dikeluarkan kerana penebus kesalahan (terpaksa).*
- iii. *Apabila sesuatu yang diamanahkan menjadi milik sendiri.*
- iv. *Apabila suami terlalu mentaati isteri.*
- v. *Apabila anak-anak menderhakai ibu bapa masing-masing.*
- vi. *Apabila seseorang lebih memuliakan teman daripada ibu bapa sendiri.*
- vii. *Apabila kedengaran banyak bunyi bising.*
- viii. *Apabila lebih ramai berbicara mengenai hak keduniaan di dalam masjid.*
- ix. *Apabila sesuatu kaum itu terdiri daripada orang yang dihina oleh mereka.*
- x. *Apabila memuliakan seseorang kerana takutkan tindakan buruknya.*
- xi. *Apabila arak menjadi minuman biasa.*
- xii. *Apabila lelaki memakai sutera.*
- xiii. *Apabila perempuan dijemput menghiburkan lelaki.*
- xiv. *Apabila wanita memainkan alat-alat muzik.*
- xv. *Apabila orang yang terkemudian menghina orang terdahulu.*

Maka pada saat itu tunggulah bala yang akan menimpa dalam bentuk angin merah (puting beliung) atau gerak gempa yang maha dahsyat atau tanaman yang tidak menjadi.”

Namun begitu, persoalannya mengapa Allah SWT membenarkan bencana alam ini berlaku walaupun telah diketahui ianya mampu membawa pelbagai kemudaran. Ini menunjukkan bahawa pasti ada manfaatnya dan kelebihan di sebaliknya kerana Allah tidak akan menjadikan sesuatu tanpa sebab. Firman Allah SWT pada ayat 155, surah al-Baqarah membuktikan bahawa memang benar bencana alam ada manfaatnya. Maka, sebagai umat islam, kita perlu tahu apakah manfaat-manfaatnya supaya ianya dapat menjadikan kita umat Islam yang terus bertakwa dan tabah menghadapi dugaan ini sekiranya pada sesuatu ketika kita menghadapinya.

Dalam surah al-Baqarah ayat 155, Allah SWT berfirman :

Maksudnya:

“Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar.”

(Al-Baqarah 2:155)

2. Latar belakang masalah

Bencana alam membawa pelbagai implikasi buruk sama ada kepada manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan mahupun alam sekitar dan di akhir zaman ini, bencana alam akan menjadi lebih kerap berlaku. Implikasi kemusnahan fizikal adalah musibah yang nyata dan dilihat sendiri oleh masyarakat dan dengan teknologi yang semakin canggih, manusia dapat melihatnya di mana pun di dunia kemusnahan bencana alam. Memandangkan manusia adalah khalifah di dunia, maka kesan akibat bencana alam dan tanggungjawab di dalam menanganinya amatlah dirasai. Oleh yang demikian adalah munasabah mengapa sesetengah masyarakat berpersepsi bahawa bencana alam hanya membawa musibah dan perlu dielakkan serta sekiranya diberi pilihan, pasti mereka memilih bencana alam tidak perlu wujud atau berlaku. Atas alasan tersebut, kajian ini dilakukan dengan harapan supaya sesetengah daripada kita jelas bahawa walaupun bencana alam menunjukkan ketara akan musibahnya, manfaat pasti ada di sebaliknya kerana Allah SWT tidak akan menjadi sesuatu dengan sia-sia. Maka, kita akan reda serta bersangka baik apabila saat kita, keluarga atau masyarakat kita menghadapi bencana alam.

3. Metodologi

Objektif kajian ini adalah membuktikan apakah manfaat nyata dan kerohanian di sebalik sesuatu kejadian bencana alam. Setiap maklumat satu (1) kes bagi setiap bencana alam di Malaysia iaitu banjir, hujan batu, kemarau, ribut dan tanah runtuh dikumpulkan melalui laporan surat khabar, laporan agensi kerajaan dan laman sesawang. Langkah seterusnya, melalui setiap kajian kes, manfaat nyata dikenal pasti. Manakala manfaat kerohanian dikenal pasti melalui perbandingan di antara musibah nyata bagi semua kes dengan manfaat di sebalik musibah, bala bencana dan ujian dari Allah SWT secara umum yang disenaraikan dalam risalah Fawa'id al-Balwa wal-Mihan oleh Imam Izzuddin bin Abdis Salam sebagai kerangka teori.

4. Kajian Kes

Kajian kes yang dilakukan adalah ke atas 5 kajian kes bencana alam dalam negara iaitu banjir, hujan batu, kemarau, ribut dan tanah runtuh.

- i. Banjir : Negeri Pahang, Kelantan, Terengganu dan Johor pada Disember 2013
- ii. Hujan Batu : Negeri Pahang pada 28 September 2009
- iii. Kemarau : Negeri Pahang dan Kelantan pada Februari – April 2010
- iv. Ribut : Negeri Pulau Pinang, Malaysia pada 13 Jun 2013
- v. Tanah Runtuh : Daerah Hulu Langat, Selangor, Malaysia pada 21 Mei 2011

5. Bencana Alam dan Manfaatnya kepada Kemanusiaan

Perbincangan artikel ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama membincangkan manfaat nyata iaitu sesuatu yang dapat dilihat secara fizikal melalui cerapan kajian kes, manakala bahagian kedua manfaat kerohanian iaitu kesan kepada kerohanian manusia melalui cerapan manfaat di sebalik musibah, bencana dan ujian secara umum dengan kajian kes. Ia bermakna perbincangan ini berkisar kepada manfaat nyata dan kerohanian akibat bencana alam.

Melalui Jadual 1 menunjukkan bahawa setiap bencana alam pasti mempunyai manfaat nyata. Manfaat nyata yang pasti diterima oleh mangsa adalah penerimaan bantuan kewangan dan barangan bagi mengurangkan bebanan mangsa dan kelangsungan hidup mangsa pada masa hadapan. Manfaatnya adalah bebanan tekanan mangsa dapat dikurangkan dan juga mungkin pada yang sama mangsa menerima sesuatu bantuan yang mungkin mereka tidak sangka menerimanya bahkan mungkin tidak terfikir selama ini. Ketika pengagihan bantuan oleh

sukarelawan, apabila sukarelawan tiba di kawasan tersebut dan melihat keadaan sekelilingnya akan menimbulkan perasaan kasihan kepada mangsa dan kemudiannya timbul rasa syukur kerana tidak menghadapinya. Secara tidak langsung, mendorong untuk sukarelawan membantu dengan bersungguh-sungguh bukan hanya ketika itu tetapi pada masa hadapan untuk mangsa-mangsa bencana di tempat lain.

Jadual 1. Manfaat nyata dari kajian kes

Manfaat nyata	Banjir	Hujan batu	Kemarau	Ribut	Tanah runtuh
Menerima bantuan kewangan dan barangan	√	√	√	√	√
Menerima perkhidmatan rawatan kesihatan	√				
Pembaikan tempat tinggal dan penempatan semula	√				√
Hubungan lebih erat di dalam masyarakat	√				
Masyarakat lebih kreatif	√		√		
Penggunaan kepakaran tempatan	√				√
Pengenalan langkah mitigasi	√	√	√	√	√
Kunjungan pemimpin negara	√			√	√

Kedua, manfaat nyata yang pasti adalah pelbagai langkah-langkah mitigasi akan diperkenalkan seperti polisi digazetkan, peraturan dikuatkuasakan, pembinaan dibangunkan atau peralatan dipasang bukan sahaja di kawasan yang telah terlibat tetapi juga kawasan-kawasan yang lain yang berpotensi untuk berlaku bencana alam. Manfaatnya supaya kesan buruk bencana dapat diminimalkan sekiranya bencana yang sama berlaku kembali di kawasan yang pernah berlaku tetapi juga kawasan lain yang pertama kali berlaku. Selain itu, mungkin dengan adanya polisi, peraturan, pembinaan dan peralatan dapat memberikan manfaat yang lain kepada kesejahteraan penduduk di situ selain sebagai mitigasi bencana.

Menerima rawatan kesihatan percuma, manfaat sebenarnya adalah mangsa dapat dipastikan sihat dan selamat serta juga untuk mengawal dari penyakit merebak. Manfaat lain adalah mungkin tujuan asalnya bagi memeriksa kemungkinan penyakit akibat bencana tersebut, namun setelah diperiksa didapati ada penyakit lain yang kita hadapi selama ini yang kita tidak ketahui. Oleh disebabkan itu, kerana dapat dikesan awal, penyakit tersebut dapat diubati yang mana jika tidak dikesan lebih awal, penyakit ini boleh mendatangkan kesan yang lebih buruk.

Pembaikan tempat tinggal dan penempatan semula, yang nyata manfaatnya adalah tempat tinggal atau lokasi yang lebih baik dari yang dahulu. Ini kerana sebelum bencana terdapat kerosakan yang tidak mampu kita baiki, namun selepas berlaku bencana, bukan sahaja kerosakan akibat bencana dibaiki tetapi turut juga sebelumnya atas bantuan sukarelawan. Penempatan semula sebenarnya dapat mengurangkan kegusaran mangsa kerana penempatan baru adalah pada sesuatu lokasi yang terlebih dahulu dikenal pasti tidak cenderung untuk berlakunya bencana alam. Mangsa tidak lagi akan merasa risau memikirkan kemungkinan berlakunya bencana alam.

Di dalam sesuatu negara terutamanya yang berbilang bangsa, sudah pasti terdapat perbezaan ideologi politik dan kefahaman agama. Namun begitu, ianya bukannya satu halangan untuk mereka untuk bekerjasama. Ini dapat dilihat apabila berlaku sesuatu bencana alam, pelbagai parti politik, pertubuhan bukan kerajaan dan bangsa bersama-sama membantu mangsa bencana. Ketika itulah mereka akan saling berinteraksi dan ini akan menyebabkan mereka saling lebih memahami antara satu sama lain dan dapat mengurangkan prasangka dan prejudis antara satu sama lain. Manfaatnya, secara tidak langsung, hubungan di dalam masyarakat lebih erat terjalin.

Bencana alam dapat membentuk masyarakat kreatif kerana masyarakat akan sentiasa berusaha untuk menghasilkan sesuatu peralatan, struktur atau polisi supaya kesan bencana itu

seminima mungkin sekiranya berlaku. Sebab itulah sehingga kini, kita akan sentiasa melihat penghasilan peralatan-peralatan baru yang lebih canggih, struktur-struktur yang lebih kuat dan polisi yang lebih efisien terhasil setiap masa dan tidak berhenti. Contoh lain, petani yang terjejas pendapatan akibat kemarau, membuat kerja lain seperti memukat ikan di paya dan berpuasa bagi menyara hidup mereka dan keluarga. Manfaatnya, kreativiti yang diasah boleh meningkatkan kesejahteraan manusia dalam pelbagai aspek.

Adalah menjadi kebiasaan bahawa apabila sesuatu bencana alam berlaku, di kaca televisyen, corong radio dan ruangan media massa akan memaparkan mengenai pendapat pakar-pakar tempatan dari pelbagai bidang mengenai bencana yang telah berlaku. Dari situlah, masyarakat akan mengetahui kepakaran yang dimiliki oleh seseorang individu atau agensi. Maka, pada masa hadapan, kepakaran tersebut bukan sahaja dapat digunakan untuk membantu di dalam mengawal kesan bencana alam tetapi turut juga untuk perkara-perkara lain yang dapat membangunkan masyarakat dan negara. Manfaatnya pembangunan modal insan tempatan dapat ditingkatkan dan penjimatan kos kerana tidak perlu mendapat perkhidmatan dari luar negara.

Kunjungan pemimpin negara di kawasan bencana sememangnya tidak dinafikan dapat meningkatkan moral mangsa dan sukarelawan. Namun jika dilihat pada skop yang lebih meluas, penduduk dapat terus menyatakan masalah mereka sama ada berkaitan dengan bencana atau lain-lain masalah tanpa melalui aturan birokrasi. Seperkara lagi, bantuan bukan sahaja diterima oleh penduduk di kawasan yang terjejas akibat bencana tetapi juga penduduk di kawasan-kawasan sekelilingnya.

Manfaat nyata bencana alam yang lain dari kajian kes adalah kawasan-kawasan yang terjejas akibat letusan gunung berapi akan mengalami perubahan landskap yang membuat tanah di kawasan tersebut subur dan kadangkala menghasilkan pemandangan yang indah. Kesan positif lain adalah kawasan yang dahulu tidak dikenali, kini dikenali setelah berlakunya bencana dan ini membolehkan orang ramai datang ke kawasan tersebut sekiranya terdapat sesuatu yang menarik pada masa hadapan.

Manfaat nyata yang dikupas sebenarnya jika diperhalusi mempunyai kaitan dengan beberapa manfaat kerohanian iaitu kepada mangsa, sukarelawan, masyarakat dan pemimpin. Manfaat kerohanian yang berkaitan adalah (melalui perbandingan dengan manfaat di sebalik musibah, bala bencana dan ujian dari Allah SWT secara umum yang disenaraikan dalam risalah Fawa'id al-Balwa wal-Mihan oleh Imam Izzuddin bin Abdus Salam) :

- i. Dapat mendidik sifat sabar dalam menghadapi musibah tersebut.
- ii. Dapat mendidik rasa gembira dengan musibah tersebut kerana faedah-faedah serta ganjaran-ganjaran pahala yang disediakan oleh Allah SWT.
- iii. Dapat mendidik rasa syukur ke atas musibah tersebut kerana mengandungi faedah berkenaan.
- iv. Dapat menimbulkan rasa kasihan dan simpati terhadap orang yang ditimpa bala bencana, dan dapat membantu kesusahan mereka.
- v. Dapat memperoleh ganjaran yang disediakan oleh Allah SWT ke atas faedah-faedah yang tersebut di sini di akhirat kelak nanti.
- vi. Ia mengandungi faedah-faedah atau manfaat-manfaat yang tersembunyi, yang kadangkala nampak zahirnya negatif tetapi sebenarnya positif, atau pada zahirnya tidak kita sukai tetapi sebenarnya lebih baik untuk kita.

Antara Ayat al-Quran yang berkaitan dengan perkara di atas,

Dalam surah al-Imran ayat 120, Allah SWT berfirman :

Maksudnya :

“Jika kamu memperoleh kebaikan, nescaya mereka bersedih hati, tetapi jika kamu mendapat bencana, mereka bergembira karenanya. Jika kamu bersabar dan bertakwa, nescaya tipu daya mereka sedikit pun tidak mendatangkan kemudharatan kepadamu. Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa yang mereka kerjakan.”

(Al-Imran 3:120)

Perkara lain yang dapat dijadikan iktibar adalah bencana alam yang berlaku tidak sahaja memberi manfaat kerohanian kepada mereka yang menjadi mangsa tetapi juga bukan mangsa. Ini kerana apabila bencana berlaku, prosesnya adalah luar biasa dan menakjubkan, seterusnya kemusnahan yang berlaku di luar apa yang kita mampu gambarkan. Sebagai bukti kekuasaan Allah SWT, kejadian di mana sebuah masjid di Kuantan ketika banjir besar pada tahun 2013, di mana hanya air jernih sahaja memasuki ruang solat masjid walaupun di luar masjid terdapat air bercampur lumpur dan bangunan-bangunan di sekelilingnya mengalami kerosakan. Dari situlah, kita akan merasa betapa kerdilnya kita dan hebatnya kuasa Allah SWT. Pasti kita akan terdetik bahawa Allah SWT mampu melakukan apa sahaja dan kita manusia tidak mampu menghalangnya. Ini secara tidak langsung, membuktikan juga bahawa Allah SWT itu wujud dan berkuasa serta apa yang di dalam Al-Quran adalah mutlak. Sebagai hamba, tiada apa yang perlu dibanggakan kerana apabila bencana tiba, kita tidak mampu menahannya dan ia menunjukkan betapa jauhnya kekuasaan Allah SWT berbanding dengan manusia. Ini bertepatan dengan manfaat kerohanian iaitu (melalui perbandingan dengan manfaat di sebalik musibah, bala bencana dan ujian dari Allah SWT secara umum yang disenaraikan dalam risalah Fawa'id al-Balwa wal-Mihan oleh Imam Izzuddin bin Abdis Salam) :

- i. Dapat mengenal keagungan dan kekuasaan rububiyah (ketuhanan) Allah SWT.
- ii. Dapat menyedari akan kehinaan dan kekurangan ubudiyah manusia sebagai hambaNya.
- iii. Dapat mengikhhlaskan diri kepada Allah SWT, kerana Dia-lah sahaja dapat menariknya kembali.
- iv. Dapat menegah diri kita dari sifat-sifat yang buruk, sombong, bangga diri, riak dan takbur.

Melalui laporan media massa, terdapat mangsa yang menyatakan bahawa sepanjang berlakunya bencana, ia sentiasa berdo'a supaya bencana yang sedang berlaku dapat berakhir dengan secepat mungkin dan dielakkan daripada menerima musibah yang berat. Harapannya supaya ia dapat kembali kepada kehidupan hariannya seperti biasa memandangkan semasa bencana pelbagai bebanan yang berat terpaksa ditanggung olehnya. Pada masa yang sama, pihak kerajaan juga membuat sembahyang hajat supaya bencana tersebut cepat berakhir. Contoh lain, ketika bencana berlaku, kebanyakan mangsa akan berdo'a supaya bencana alam segera reda dan tidak menyebabkan kemusnahan yang teruk. Mereka juga akan bersyukur sekiranya tidak mengalami sebarang kecederaan atau terdapat kematian. Ini adalah seperti mana manfaat kerohanian berikut (melalui perbandingan dengan manfaat di sebalik musibah, bala bencana dan ujian dari Allah SWT secara umum yang disenaraikan dalam risalah Fawa'id al-Balwa wal-Mihan oleh Imam Izzuddin bin Abdis Salam) :

- i. Dapat kembali semula kepada Allah SWT dan memberi tumpuan terhadapNya.
- ii. Dapat merasa rendah diri, dan berdo'a mengharap kepadaNya.
- iii. Dapat mengenal dan menghargai nikmat keafiatan dan kesihatan, serta mensyukurinya
- iv. Dapat mendidik sifat reda yang membawa kepada keredaan Allah SWT

6. Kesimpulan

Manfaat nyata sebenarnya selari dengan manfaat kerohanian dan sebahagian besar dari manfaat kerohanian di sebalik musibah, bala bencana dan ujian dari Allah SWT dapat diperolehi melalui bencana alam sama ada disedari atau tidak disedari oleh manusia. Manfaat nyata hanya mula diterima apabila bencana alam telah berlaku dan bencana telah kembali reda tetapi manfaat kerohanian adalah ketika bencana mula berlaku lagi. Walaupun jika diukur bahawa musibah nyata adalah jauh lebih besar bebannya berbanding dengan manfaat nyata yang diterima, namun ia tidak ternilai jika dibandingkan dengan manfaat kerohanian kerana dunia adalah bersifat sementara tetapi akhirat kelak adalah kekal selama-lamanya.

Apa yang penting adalah bagaimana kita menghadapi sesuatu bencana itu. Kerediaan dan keyakinan bahawa sesuatu bencana yang berlaku dengan pelbagai kemusnahan dan kerosakan pasti ada manfaat nyata dan kerohanian. Walaupun manfaat nyata adalah tidak pasti kerana bergantung pada kesediaan sesuatu negara tetapi manfaat kerohanian adalah pasti. Semoga apa yang disampaikan di dalam artikel ini sedikit sebanyak dapat membantu memberikan keyakinan kita di dalam menghadapi bukan sahaja bencana alam tetapi juga dugaan hidup serta diberi kekuatan supaya tidak mengambil langkah mudah dengan melarikan diri dari permasalahan tetapi berani menghadapinya.

Selain itu, sekiranya kita atau umat kita atau negara kita sering ditimpa bencana, kita harus muhasabah diri dan lihat kembali 15 perkara yang melayakkan kita ditimpa bencana. Jika terdapat perkara-perkara yang dilakukan dalam senarai tersebut, berusaha untuk mengurangkannya bermula dari kita sendiri dan seterusnya masyarakat kita sehingga perkara-perkara dinyatakan tidak berlaku lagi. Yang pasti, bencana alam merupakan peringatan dari Allah SWT untuk umatNya supaya mereka sentiasa beringat dan insaf serta jelas mengapa mereka dijadikan khalifah di muka bumi.

7. Rujukan

- Anderson, M. (1990). Analyzing the Costs and Benefits of Natural Disaster Responses in the Context of Development. *Environment Working Paper*, 29.
- CRED. (2000). EM-DAT : The OFDA/CRED International Natural Disaster Database 1900 – 1999. *Centre on the Epidemiology of Disasters (CRED)*.
- Charveriat, C. (2000). Natural Disasters in Latin America and the Carribean : An Overview of Risk. *Inter-American Development Bank*.
- Dorasamy, M., Raman, M., Muthaiyah, S., & Kaliannan, M. (2007). Disaster Preparedness in Malaysia : An Exploratory Study. *Journal of Recent Advances in Management, Marketing, Finances*, 3, 19 – 30.
- Fakhrudin, S. H. M., & Chivakidakarn, Y. (2014). A Case Study for Warning and Disaster Management in Thailand. *International Journal of Disaster Risk Reduction*, (7), 68 – 80.
- Kangabam, R. D., Panda, P. C., & Kangabam, M. (2012). Disaster Preparedness Among the Resident Community : A Case Study of Rajiv Gandhi University, Itanagar, India. *International Journal of Environmental Sciences*, 2(3), 1632 – 1642.
- Miles, B., & Morse, S. (2007). The Role of News Media in Natural Disaster Risk and Recovery. *Ecological Economics*, (63), 365 – 373.
- Sawada, Y., & Zen, F. (2014). Disaster Management in ASEAN. *ERIA Disaster Series*, 3.
- Sivakumar, M. V. K., Motha, R. P. & Das, H. P.(2005). Natural Disasters and Extreme Events in Agriculture. *Springer*.
- Slettebak, R. T. (2012). Don't Blame the Weather ! Climate-related Natural Disasters and Civil Conflict. *Journal of Peace Research*, 49(1), 163 – 176.
- Susman., P., O'Keefe, P., & Wisner, B. (1983). Global Disasters, a Radical Interpretation. *Interpretations of Calamity from the View Point of Human Ecology*.

- Tuswadi & Hayashi, T. (2014). Disaster Prevention Education in Merapi Volcano Area Primary Schools : Focusing on Students' Perception anf Teachers' Performance. *Procedia Environmental Sciences*, (20), 668 – 677.
- UNDP. (2001). Disaster Profile of the Least Developed Nations.